



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KENYATAAN MEDIA

## TEGUH MEMPERKASAKAN AGENDA KeTSA

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang telah menaruh kepercayaan kepada saya untuk menerajui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli bersama-sama YB Datuk Ali Biju selaku Timbalan Menteri.

Saya memulakan tugas di Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) pada hari ini dan telah diberi taklimat mengenai portfolio, tugas dan tanggungjawab KeTSA serta jabatan dan agensi di bawahnya. Saya berkeyakinan dan komited untuk menggalas tanggungjawab dan amanah ini bagi menerajui KeTSA untuk mencapai visi dan misi, memacu inisiatif utama berpaksikan rakyat serta mengutamakan budaya kerja berprestasi tinggi untuk menyokong inisiatif Kerajaan untuk mendepani cabaran pandemik COVID-19 dan pemulihan ekonomi negara.

KeTSA bertanggungjawab menguruskan industri bekalan elektrik agar diurus secara strategik bagi menjamin pengguna memperoleh perkhidmatan bekalan elektrik yang berdaya harap, mampu bayar dan lestari. Selaras dengan agenda menangani perubahan iklim negara, KeTSA komited untuk meningkatkan penjanaan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) melalui Pelan Pembangunan Penjanaan Pembekalan Elektrik 2021-2039. Mengambil kira kepentingan mengimbangi permintaan tenaga dan mengurangkan pelepasan karbon, KeTSA juga akan terus memacu inisiatif kecekapan dan penjimatan tenaga melalui Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara.

KeTSA akan memastikan kekayaan sumber asli terus dijaga, diurus secara mapan dan bertanggungjawab untuk generasi akan datang. Pelbagai strategi dan program seperti pensijilan pengurusan hutan, catuan tebingan tahunan, pelaksanaan amalan terbaik dalam pengusahasilan hutan, pengurusan hidupan liar serta kawasan berkepentingan biodiversiti antarabangsa akan diteruskan dan dipantau secara bersama dengan Kerajaan Negeri.

Dua (2) inisiatif nasional iaitu *Central Forest Spine* (CFS) dan *Heart of Borneo* (HoB) akan terus dilaksanakan untuk melindungi ekosistem hutan, dan biodiversiti. KeTSA akan meneruskan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Menanam Pokok 100 Juta (2021 hingga 2025) dengan sokongan daripada pelbagai pihak. Selain itu, pemerksaan usaha-usaha konservasi Harimau Malaya diteruskan untuk memastikan

negara tidak akan kehilangan spesies ikonik ini melalui penubuhan Pasukan Petugas Kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaya.

KeTSA juga telah menyediakan Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 bagi membangunkan industri mineral secara mapan dan lestari. Industri ini berpotensi menjadi sumber ekonomi baharu negara dan perlu dibangunkan secara menyeluruh dalam rantai nilai di peringkat hulu, pertengahan dan hilir.

Selaku peneraju sektor ekopelancongan sumber asli negara, KeTSA komited bagi memastikan Taman Negara, Taman Ekorimba, Hutan Taman Negeri dan Geotapak terus diperkasakan melalui pengukuhan tadbir urus, naik taraf infrastruktur serta pembangunan modal insan serta penghasilan produk-produk baharu bagi meningkatkan taraf ekonomi setempat.

Pelaksanaan Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta di negeri-negeri akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti dan prestasi pentadbiran tanah agar lebih efisien dan berintegriti. Pelaksanaan Sistem e-Tanah ini amat relevan dengan pendekatan norma baharu dalam urusan pentadbiran tanah ketika ini.

KeTSA juga akan terus melaksanakan usaha-usaha pencegahan dan mitigasi geobencana melalui pelaksanaan Projek Penghasilan Peta Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC). Dalam meningkatkan kesiapsiagaan negara menghadapi situasi pandemik semasa dan bencana, 10 Peraturan Tetap Operasi (PTO) Penyampaian Maklumat Geospasial Bencana turut disediakan meliputi wabak penyakit berjangkit, pencerobohan tanah, tanah runtuh, gangguan utiliti dan kebakaran hutan.

Saya berharap segala inisiatif yang bakal dilaksanakan ini akan mendapat sokongan padu daripada semua pihak menyokong usahawan, memudah cara perniagaan dan merencanakan semula aktiviti ekonomi serta meningkatkan keyakinan pelabur. Semoga kita semua dapat berganding bahu dan bersama-sama melaksana dan menjayakan tugas dan amanah yang diberikan ini demi rakyat dan negara.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**1 SEPTEMBER 2021**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)

